

SUDIRMAN

HAJI ARSHAD

Menulis... 



Kenapa saya suka Mahathir

Mn. M. 14 SEP 1990

SAYA telah ditanya: "Kenapa Sudir suka Mahathir?" Lalu saya catatkan jawapan saya.

Tetapi sebelum apa-apa, ingin saya jelaskan bahawasanya di sini saya bukanlah membicarakan hal politik dan saya juga bukan penyokong ahli kepada mana-mana parti, baik UMNO, Pas dan mahupun apa jua.

Malah sebagai penghibur saya memprinsipkan diri untuk tidak bercerita tentang hal

Boleh dikatakan Dr. Mahathir merupakan Perdana Menteri yang paling terbuka dan sensitif terhadap masalah rakyat. Rakyat sering didiampinginya a mengira bangsa, agama dan usia. Sejajar dengan sifat seorang pemimpin ulung.

las, Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin yang tahu apa yang mahu dilakukannya dan apa yang diperlukan negara.

Caranya bijak, tangkas, bernas dan logik. Caranya adalah yang terbaik ditikirkannya. Perlu diingati bahawa yan indah itu tak semestinya b4' tetapi yang baik itu

agama, politik, seks, dadah dan peribadi orang lain.

Justeru itu, catatan ini sekadar pandangan saya terhadap soalan yang dimajukan dan saya terangkan semudah-mudahnya.

Sebenarnya, Perdana Menteri (PM) merupakan sumber inspirasi segala pencapaian kerjaya saya selama ini. Dan inspirasi ini saya sandarkan kepada tiga aspek mudah yang saya lihat tersemat dalam perjuangan Dr. Mahathir.

Tiga aspek itu ialah:

- 'Vision' atau pandangan jauh ke depan yang menuju ke suatu matlamat.
- Perancangan yang bijak dan usaha yang gigih sebagai daya penggerak, serta
- Kesabaran dan ketegasan sebagai benteng perjuangan.

Bebekalkan tiga aspek ini, setiap perjuangan pasti mudah berjaya. Dan kejayaannya bukan sedikit kerana kejayaan itu menjadi suatu proses tindakan yang beragkai-rangkai.

Setiap 'vision' akan mencambahkan seribu 'vision'; setiap usaha akan menambahkan potensi kemajuan; senjata semangat pula akan meniupkan suatu perjuangan.

Dan semua ini saya jadikan etika bekerja saya. Caranya samalah seperti menanam benih dengan banyak sekali. Ada benih mengambil masa sehari untuk tumbuh, ada memakan masa seminggu, dan ada yang sampai sebulan, setahun atau bertahun-tahun.

Pokoknya, semua benih itu akan tumbuh, dan apabila ia tumbuh hasilnya pasti tersangat lumayan sekali.

Dan ini Perdana Menteri kita! Apakah yang mahu dilakukan oleh Dr. Mahathir dari kacamata saya?

Juga saya dapati tiga aspek;

- Keharmonian rakyat.
- Kestabilan dan kemajuan ekonomi, dan
- Kecemerlangan antarabangsa.

PERTAMA;

Aspek keharmonian rakyat. Dr. Mahathir sering mengimbangi kepentingan pelbagai kaum dalam perancangannya sejajar dengan kehendak perlembagaan negara.

Dr. Mahathir juga sensitif terhadap masalah rakyat. Setiap isu yang timbul di kalangan rakyat pasti mendapat pandangan dan nasihatnya. Baik isu kafir-mengkafir, masalah pekerja kilang, masalah tindakan bank terhadap peminjam, masalah kenaikan harga barang, atau nasihat tentang pemiagaan, malah apa saja, semuanya dijelaskan secara terperinci untuk membimbing rakyat ke arah kemakmuran.

KEDUA; Aspek kemajuan ekonomi. Penyatuan waktu, Sabah, Sarawak, dan Semenanjung perkenalan Sistem "Punch Card" dan penggunaan masa dengan bijak merupakan tunjang awal perjuangannya sebagai Perdana Menteri. Satu revolusi sedang diaturkan.

Dasar pandang ke timur menjadi suatu inspirasi terhadap intisari atau 'substance' yang mahu difokuskan. Lebih-lebih lagi dalam etika bekerja, kerajinan dan perinsip bersih, cekap, amanah menjadi tunjang.

Kemudian, Kepimpinan Melalui Teladan berdasarkan rapatnya hubungan di antara majikan dengan pekerja di negara Jepun.

Kemudian penswastaaan, dan dengan itu lahirlah Pensyarikatan Malaysia yang sudah mula menampilkan hasilnya.

Selain itu, negara dibawa ke arah perindustrian dan lahirlah Proton Saga yang telah menjadi kebanggaan negara.

Namun usaha perjuangan yang paling rapat dijiwanya ialah perjuangan bangsa Melayu itu sendiri. Dr. Mahathir tidak mahu bangsa Melayu bermegah di dalam tanahair sendiri yang kemewahannya adalah milik orang lain.

Dari bukunya "The Malay Dilemma" hingga ke "Challenger" masalah orang Melayu menjadi dakwatnya. Nilai-nilai hidup mula bertukar ke arah matlamat yang lebih positif. Suatu revolusi mental berlaku tanpa disadari.

Dan ini membawa kepada aspek ketiga: Dr. Mahathir mahu tanahair didarjatkan di mata dunia. Baik masalah EEC, Aparteid, dadah, pelarian Vietnam, mahupun riasalah dunia ketiga, didebatkannya dengan suara yangantang dan pemikir yang terjadi?

Ini membibitkan rasa hormat negara luar kepada negara kita. Sehingga Dr. Mahathir mendapat gelaran 'Wiiia Dunia Ketiga'. Saya amat berbangga.

Sebagai seorang individu, selain merupakan seorang "workaholic" yang mempunyai 'vision' yang je-

tak semestinya indah. Hanya masa yang akan menentukan.

Dr. Mahathir juga seorang pemimpin yang telah berkali-kali membuktikan betapa tingginya nilai kesabaran dan ketabahan ketika menghadapi dugaan. Inilah faktor yang paling meruntunkan sanubari saya.

Dr. Mahathir tidak akan menentang sesiapa yang bukan lawannya. Caranya ialah cara seorang 'political genius'. Dr. Mahathir boleh mengubah keadaan dengan senyuman kerana yang bekerja ialah pemikirannya.

Kadang-kadang saya terfikir juga, sekiranya Dr. Mahathir kita ini ialah Presiden George Bush di Amerika, pasti perancangan dan tindakannya lebih bemas dan berkesan, tidak seperti kegentingan yang ada ketika ini di dunia Arab. Apakah tindakan itu? Hanya Dr. Mahathir yang tahu.

Itulah lagi satu sifat terpuji. Dr. Mahathir adalah peasih dan sahabat serta pengkritik dirinya sendiri. Setiap orang harus bersikap begini. Ini saya sematkan dalam diri.

Walau bagaimanapun, dengan pandangan ini, tidak bermakna saya memandang rendah terhadap kewibaaan Y.B.M Tengku Razaleigh atau Y.M. Tuan Haji Abdul Hadi. Mereka juga mempunyai kewibawaan masing-masing. Namun, alangkah bahagianya masyarakat Melayu sekiranya kepintaran pemimpin-pemimpin dapat digemblengkan untuk kemajuan agama, bangsa dan negara.

Sepatutnya, kita tidak berlawan sesama sendiri. Yang kita perlu lawan ialah martabat kita di kaca mata dunia luar. Kalau kita bersatu, tentu kita lebih berpadu dan lebih maju.

Tetapi tentang soal siapa yang saya suka jadi Perdana Menteri; jawapannya sudah pasti. Setiap negara mesti hanya ada seorang pemimpin utama. Sebuah kapal tidak boleh mempunyai dua nakhoda. Y.A.B Dato' Sri Dr. Mahathir adalah pilihan saya.

Kalau Hang Tuah mempunyai suatu harapan: "Tak'kan Melayu hilang di dunia," saya rasa Dr. Mahathir adalah orang yang akan menyedarkan kita.